

WARGA JPBD JOHOR 2011



LAPORAN
TAHUNAN

20
11



SIDANG PENGARANG

Penasihat

Mohd Azam bin Mohd Abid

Ketua Pengarang

Md. Nazri bin Abdullah

Pengarang

Hjh Rapiah bte Jantan

Che Wan Mohd. Rapanah b. Che Wan Embong

Lily Azzura bte Hangsor

Norhudaryanti bte Ibrahim

Hassan bin Towipan

Hjh Hamidah binti Reduan

Cetakan dan Grafik

Abdul Rahman bin Mohd Noh

Bahan dan Foto

Roslee bin Yunos @Zakaria

Nor Azan bin Othman

M. Faizal bin Abdullah

Nazli Hidayat b. Hamid

LAPORAN
TAHUNAN

20
11



KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Sekapur Sireh	1
Pengurusan	2
Latar Belakang	3
Arah Tuju	4
Objektif Jabatan	5
Fungsi Jabatan	6
Piagam Pelanggan	7
BAHAGIAN PENTADBIRAN	8
Unit Pentadbiran	12
Unit Kewangan	13
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	14
Petunjuk Prestasi (KPI)	15
BAHAGIAN TEKNIKAL	17
KORPORAT, JPN & Lembaga Rayuan	18
Jawatankuasa Perancangan Negeri (JPN)	19
Lembaga Rayuan Negeri Johor	21
Mesyuarat Teknikal Pbt/Osc Dan Jpbd	22
RANCANGAN PEMAJUAN	24
Pencapaian Umum	25
Aktiviti-aktiviti	27
KAWALAN PERANCANGAN	28
Permohonan Perancangan	29
Johor Bahru, Kulaijaya, Pontian	31
Daerah Mersing Dan Kota Tinggi	32
Penyelidikan Dan Pembangunan; Daerah Segamat Dan Kluang	33
Penyelidikan Dan Pembangunan	34
Aktiviti	35
Projek Khas; Daerah Muar Dan Batu Pahat	40
Projek Khas	41
ICT DAN BANK DATA	44
ICT dan Bank Data	45
Sistem Teknologi Maklumat (ICT)	47
PEMANTAPAN ORGANISASI	50
KEBAJIKAN DAN SUKAN	53
AKTIVITI SEPANJANG TAHUN	57



Sekapur Sireh



Mohd Azam Bin Mohd Abid

Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Johor

Syukur Alhamdulillah. Terima kasih kepada Sidang Pengarang dan segenap lapisan pegawai di JPBD Negeri Johor kerana telah berjaya menerbitkan LAPORAN TAHUNAN 2011.

Laporan Tahunan ini mencatatkan aktiviti dan program yang telah dijayakan oleh Jabatan dengan usaha segenap warga JPBD Johor. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga JPBD Johor kerana telah berjaya di dalam melaksanakan semua perancangan yang dibuat pada awal tahun 2011. Sesungguhnya saya amat berbangga dengan semangat kerjasama dan keprihatinan warga JPBD Johor.

Secara umumnya, Jabatan telah berjaya mencapai 100 % bagi program dan aktiviti Jabatan yang diagihkan mengikut peruntukan kewangan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri. Malah, berdasarkan kepada *Key Performance Indicator* (KPI), Jabatan berjaya mencapai 100 % petunjuk yang digariskan, begitu juga dengan Pelan Tindakan Rancangan Strategik Jabatan (PTRSJ).

Secara terperinci, saya berbangga kerana Jabatan telah berjaya melaksanakan lima (5) kajian Rancangan Tempatan Daerah (Pengubahan) yang mana kini di dalam peringkat pengwartaan, dua pasukan KIK dan Inovasi, Penyediaan Pelan 3D Pembangunan Persisiran Sungai Skudai, Persisiran Pantai Lido dan lain-lainnya termasuk Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Sungai Johor dan RKK Pengerang.

Sekali lagi yang mengucapkan syabas dan berharap agar semula lapisan pegawai bekerjasama dan bersatu padu di dalam melaksanakan program-program Jabatan di tahun-tahun yang akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pengurusan



MOHD AZAM BIN MOHD ABID

MD NAZRI BIN ABDULLAH

AZURA BINTI HJ. SHAFAWI

MOHAMAD HUSSAINI BIN HARUN

CHE WAN MOHD. RAPANAH BIN CHE WAN EMBONG

LILY AZZURA BINTI HANGSOR



Latar Belakang

Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor telah ditubuhkan pada 1 Januari 1958, iaitu selepas tujuh (7) tahun Jabatan Perancangan Bandar Desa bagi Semenanjung Malaysia diwujudkan. Jabatan ini pada mulanya dikenali sebagai Jabatan Perancangan Bandar dan Kampong, Wilayah Selatan yang berpejabat di Bangunan Sultan Ibrahim, Johor Bahru. Ia berfungsi untuk memberi khidmat perundangan dan perancangan di Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Pada tahun 1985, nama Jabatan Perancangan Bandar dan Kampong Wilayah Selatan telah ditukar kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor (JPBD Johor). Ini selaras pembangunan yang semakin pesat dan menjadikan Jabatan sebagai penggerak dan memberi khidmat hanya di Negeri Johor. Pada bulan Oktober 2003, JPBD Johor telah berpindah ke Bangunan Ansar, Jalan Trus, Johor Bahru disebabkan pertambahan kakitangan sementara menunggu perpindahan ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Nusajaya yang dijangkakan pada awal tahun 2009.



Bukit Timbalan, 1959-2003



Menara Ansar, 2003-2008

JPBD Johor merupakan pusat rujukan kepada kegunaan tanah masa hadapan di negeri Johor. Pelaksanaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) melibat penyediaan Rancangan Pemajuan (Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas – RKK), ulasan perancangan pembangunan, Lembaga Rayuan, Projek Khas, pembangunan pangkalan data guna tanah, keurusetiaan Jawatankuasa Perancangan Negeri dan lain-lain merupakan cabaran terkini dalam bidang perancangan bandar dan desa.



Arah Tuju

VISI

MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KEHIDUPAN MANUSIA YANG BERKUALITI DAN MAMPAN SELARAS DENGAN CIRI-CIRI SOSIO-BUDAYA TEMPATAN DI MALAYSIA AMNYA DAN DI NEGERI KHASNYA

MISI

MENJADIKAN JABATAN SEBAGAI PUSAT KEUNGGULAN DAN KECEMERLANGAN DALAM PERKHIDMATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

MATLAMAT



PEWUJUDUAN PERSEKITARAN YANG BERKUALITI DAN SEJAHTERA MELALUI PERKHIDMATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA YANG CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG





Objektif Jabatan


- ✚ Untuk mengukuhkan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi kawasan Bandar dan Desa bagi meningkatkan taraf perkhidmatan selaras dengan matlamat negeri;
- ✚ Untuk mengatur, mengawal dan menyelaraskan kemajuan, penggunaan dan pemeliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) dan Akta-akta yang berkaitan;
- ✚ Untuk menggubal dan melaksana kaedah-kaedah di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172), pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian berkesan oleh semua agensi di peringkat pelaksanaan;
- ✚ Untuk menjadi penasihat utama dalam Perancangan Bandar dan Desa kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) dan Agensi berkaitan;
- ✚ Menjamin mutu kepakaran dan sistem maklumat bagi tujuan perancangan yang berterusan; dan
- ✚ Menyediakan sistem maklumat perancangan yang terkini melalui pendekatan dan kaedah teknologi maklumat yang mudah dirujuk oleh semua pihak





Fungsi Jabatan

- ✚ Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri dilantik sebagai Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dibawah subseksyen 4(1)(d), Akta Perancangan dan Desa, 1976 (Akta 172);
- ✚ Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri menjalankan tugas sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) bagi mana-mana kawasan di dalam Negeri yang tidak menjadi sebahagian daripada mana-mana kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut peruntukan Akta A1129;
- ✚ Mengumpul dan mengemaskini dan menganalisa data untuk perancangan pembangunan negeri;
- ✚ Menggalakkan dalam Negeri, dalam bidang dasar Negara, pemeliharaan, penggunaan dan pemajuan semua tanah dalam negeri;
- ✚ Menasihati Kerajaan Negeri sama ada dengan daya usahanya sendiri atau menyahut permintaan Kerajaan Negeri mengenai perkara-perkara yang berkenaan dengan pemeliharaan, penggunaan dan pemajuan tanah dalam negeri;
- ✚ Mengusaha, membantu dan menggalakkan pengumpulan data dan maklumat, penyelenggaraan dan penyiaran perangkaan, buletin dan monograf dan lain-lain siaran yang berhubung dengan Perancangan Bandar dan Desa;
- ✚ Memberi nasihat perancangan kepada orang ramai; dan Mentadbir, menyelaras dan melaksana Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) dan Akta Pindaan iaitu Akta A933 dan A1129.





Piagam Pelanggan

DENGAN INI KAMI BERJANJI UNTUK :

- Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Sekurang-kurang 3 Kali Setahun.
- Memberi Ulasan Perancangan Dalam Tempoh 14 Hari.
- Mewartakan RSN, RT Dan RKK Dalam Tempoh 6 Bulan Selepas Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.
- Menyediakan Kajian Semula Rancangan Struktur Dalam Tempoh 18 Bulan.
- Menyelaras Penyediaan Rancangan Tempatan Dan Rancangan Kawasan Khas Serta Memantau Perlaksanaan Berdasarkan Program Rancangan Malaysia Lima Tahun.
- Menyedia/Menyelaras Pelan Projek Khas Dalam Tempoh 60 Hari.
- Mengadakan Mesyuarat Dengan Ketua Unit OSC Setiap 3 Bulan.
- Menyampaikan Keputusan Bertulis Lembaga Rayuan Kepada Peryu Dan Responden Dalam Tempoh 10 Hari Tarikh Keputusan Diterima Dari Pengerusi Lembaga Rayuan.
- Membekal Maklumat Perancangan (Kategori Tidak Berperingkat) Dalam Tempoh 5 Hari.





PENTADBIRAN



PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Dari Kiri: JUMAAT BIN BAHAROM, STEPHEN JAMES, HASSAN BIN TOWIPAN, MD NAZRI BIN ABDULLAH, **MOHD AZAM BIN MOHD ABID**, JUNAIDAH BT. PAING, FA'EDAH BT. AHMAD ZAINURI, KALSHOM BT. DIN, SHARIFAH ZULAIHA BT. SYED ABU BAKAR

TIADA DI GAMBAR

- MOHD RIZAL BIN BOHARI
- MD. YAZID BIN YUSOF
- MOHD RAZIF BIN. AB. RAHMAN





Tajuk	Gred	Jumlah
Pengarah, Pegawai Perancang Bandar dan Desa	VU7	1
Timb. Pengarah, Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J48	1
Ketua Pen. Pengarah, Peg. Perancang Bandar dan Desa	J44	1
Penolong Pengarah, Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J41	4
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J36	1
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J29/J36	9
Pembantu Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat	N28	1
Juruteknik Perancang Bandar dan Desa	J26	1
Juruteknik Perancang Bandar dan Desa	J22	1
Juruteknik Perancang Bandar dan Desa	J17/J22	25
Juruteknik (Awam)	J17/J22	2
Pembantu Tadbir (Kewangan)	N22	1
Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)	N22	1
Pembantu Tadbir (Kewangan)	N22	1
Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)	N17/N22	2
Pelukis Pelan	J17/J22	3
Pelukis Pelan Rendah - JUMUD	J11	3
Pembantu Tadbir Rendah - JUMUD	N14	1
Pembantu Tadbir Rendah - JUMUD	N11	2
Pencetak Pelan - JUMUD	N12	1
Pembantu Am Pejabat	N1 /N4	3
Pemandu Kenderaan	R3/R6	1
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat - Kontrak	F29	1
Pemandu Kenderaan - Kontrak	R3	1
Pembantu Tadbir (P/O) – Kontrak	N17	1
Jumlah		69


ORGANISASI

Penjawatan

Perjawatan JPBD Johor pada 2011 adalah seramai 66 jawatan tetap dan 3 jawatan Kontrak.



CARTA PERJAWATAN SEMASA JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA JOHOR





Pertukaran / Kenaikan Pangkat / Bersara / Melapor Diri

Nama	Jawatan	Kenyataan	Tarikh	
Zaiton binti Busu	Juruteknik PBD J17	Mendapat Jawatan baru Penolong Pegawai PBD J29 di Majlis Daerah Simpang Renggam	2.8.2011	PERTUKARAN KE JABATAN LAIN
Mohd. Nasiruddin bin Sapiee	Juruteknik PBD J17	Mendapat Jawatan baru Penolong Pegawai PBD J29 di Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	16.6.2011	
Helmi Fadli bin Mohd. Jaron	Pembantu Am Pejabat N1	Bertukar ke Jabatan Perhutanan Negeri Johor	2.8.2011	
Nama	Jawatan		Tarikh	
Salbiah binti Amat	Pembantu Tadbir (P/O) N17 (Bersara Pilihan Sendiri)		1.6.2011	BERSARA
Wee Moi Moi	Juruteknik PBD J17 (Bersara Wajib)		22.11.11	
Nama	Jawatan		Tarikh	
Nor Azlin binti Ahmad	Pegawai Perancang Bandar Dan Desa J44 (Bertukar daripada Majlis Perbandaran Batu Pahat - OSC)		15.6.2011	MELAPOR DIRI
Md. Razip bin Abd. Rahman	Pembantu Am Pejabat N1 (Bertukar daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor - Bahagian Pengurusan		2.8.2011	
Abd. Rahman bin Md. Noh	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 (Kontrak)		2.11.2011	
Nama	Ofsyen		Tarikh Kuatkuasa	
Junaidah binti Paing	Ofsyen daripada Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) N22 kepada Pembantu Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat Gred N28		2.1.2010	OFSYEN KE SKIM BARU
Nama	KHAS UNTUK PENYANDANG		Tarikh Kuatkuasa	
Mohd. Faizal bin Abdullah	Pelukis Pelan Gred J17/J22		1.11.2009	KENAIKAN PANGKAT SECARA KUP (Berkhidmat)



UNIT PENTADBIRAN

Bahagian ini berfungsi mengatur, mengurus dan mentadbir kegiatan-kegiatan Jabatan dan hal-ehwal pentadbiran am. Ini meliputi aktiviti-aktiviti pengendalian keluar-masuk surat, pengurusan mesyuarat, urusan kewangan dan penyelenggaraan peralatan jabatan.

Urusan Pentadbiran Am

Pada tahun 2011, Jabatan ini telah mendaftar sebanyak 7,365 penerimaan surat sebagaimana kenyataan berikut :

Bil	Jenis Surat	2011
1	Surat Pentadbiran	3,473
2	Surat Teknikal (Permohonan Perancangan)	Januari (299) Julai (260) Februari (263) Ogos (373) Mac (347) September (242) April (366) Oktober (379) Mei (376) November (289) Jun (408) Disember (290) Jumlah setahun : 3,892

MAJLIS BERSAMA JABATAN TAHUN 2011

NO. PENDAFTARAN : MBJ 4120001

Tempoh Keahlian: 10 Jun 2010 hingga 9 Jun 2012

Mesyuarat Suku Tahun	Tarikh	Jumlah Isu
PERTAMA	4..3.2011	6
KEDUA	29.6.2011	7
KETIGA	28.9.2011	7
KEEMPAT	20.12.2011	7
Jumlah Isu		27

PIHAK PEGAWAI		
Haji Mohd. Azam bin Mohd. Abid		<i>Pengarah</i>
Nor Azlin binti Ahmad		<i>Ketua Pen.Pengarah</i>
Mohamad Hussaini bin Harun		<i>Penolong Pengarah</i>
Lili Azzura binti Hangsor		<i>Penolong Pengarah</i>
Hassan bin Towipan		<i>KPT (P) - Setiausaha</i>
Hamidah binti Reduan		<i>KPT (W)</i>
PIHAK PEKERJA		
Salleh bin Ahmad		<i>Naib Pengerusi</i>
Hazidah binti Shadan		<i>Setiausaha Bersama</i>
Isa bin Tompong		<i>Wakil Pen. PPBD</i>
Suzana binti Hasim		<i>Wakil Juruteknik PBD</i>
Roslee bin Yunos		<i>Wakil Pelukis Pelan</i>
Faedah binti Ahmad Zainuri		<i>Wakil Pembantu Tadbir</i>
Adnan bin Mokri		<i>Wakil PAP</i>
Jumat bin Baharom		<i>Wakil Pemandu</i>
Nama	Sebab	Tarikh
Nor Azlin binti Ahmad	Bertukar daripada MPBP (OSC)	15.6.2011
Adnan bin Mokri	Mengganti Encik Helmi yang bertukar ke Jabatan perhutanan Negeri Johor	5.12.2012





UNIT KEWANGAN

Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukan sebanyak RM 4,457,000.00 bagi tahun 2011 kepada Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Johor. Ini meliputi 58% untuk Emulomen , 40% untuk perkhidmatan dan bekalan manakala selebihnya untuk Aset dan Bayaran Tetap.

Prestasi Perbelanjaan yang dicapai bagi tahun 2011 ialah sebanyak 93% dan ini menunjukkan peningkatan pencapaian berbanding tahun terdahulu. Agihan Peruntukan dan Perbelanjaan Tahun 2011 adalah seperti di Jadual di bawah.

BUTIRAN	TAHUN 2009		TAHUN 2010		TAHUN 2011	
	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)
Emulomen	2,271,966	2,210,355	2,457,500	2,321,526	2,737,000	2,584,208
Perkhidmatan Dan Bekalan	1,563,962	1,525,491	1,949,500	1,671,932	1,890,000	1,736,906
Aset	202,042	190,791	50,000	49,973	50,000	40,515
Pemberian & Bayaran Tetap	16,000	13,958	11,000	10,258	32,000	20,139
	4,054,000	3,940,596	4,457,000	4,043,4731	4,709,000	4,381,769

Aset Jabatan

Pada tahun 2011 Jabatan telah membelanjakan sebanyak RM 40,515.50 bagi pembelian aset alih jabatan. Perbelanjaan ini meliputi pembelian komputer, pencetak, server dan lain-lain bagi memenuhi keperluan yang tinggi bagi peralatan tersebut. Berikut adalah senarai pembelian aset bagi tahun 2011 sebagaimana Jadual di bawah.

BIL	NAMA ASET	Kuantiti
1	TAPE RECORDER	1
2	PENCETAK HP LASERJET P2035	1
3	DESKTOP HP PRO 3300	4
4	PRINTER HP COMPAQ LE1711	1
5	DELL POWEREDGE™ SERVER	1
6	DELL INSPIRON LAPTOP	2



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2011



Dari Kiri: HJ. AZMAN BIN MANAP, TUAN SYED MOHAMAD BIN SYED OMAR, **MOHD AZAM BIN MOHD ABID**, FA'EDAH BT. AHMAD DAMANHURI, MUHAMMMAD NOORZAIDEE BIN ROOSLY.





PETUNJUK PRESTASI (KPI)

PTRSJ

Selaras dengan hasrat Kerajaan memantau pencapaian secara kuantitatif, pihak pengurusan di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia telah memperkenalkan Petunjuk Utama Prestasi (KPI) dan Program Tindakan Rancangan Strategik Jabatan (PTRSJ). Pencapaian KPI dan PTRSJ khusus untuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor bagi aktiviti teras adalah amat membanggakan.

PENCAPAIAN KPI DAN PTRSJ 2011

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DN DESA NEGEI JOHOR

KRA	KPI	PENGUKURAN	SASARAN	Pencapaian	Penerangan Pencapaian
PERANCANGAN AGIHAN SUMBER & GUNATANAH BERKESAN	4. Memudahcara Pembangunan Bagi Mematuhi Subseksyen 22(2A)	4/Y Peratus Cadangan Permohonan Kebenaran Merancang Yang Dikategorikan Di Bawah Subseksyen 22(2A) Yang Dibawa Ke MPFN	100%	Satu Kertas Kerja telah diangkat ke MPFN	Pembangunan tambak laut di Pengerang
	5. Memudahcara Pembangunan Bagi Mematuhi Seksyen 20A Akta 172	5/Y. Peratus Projek Yang Dibawa Ke Perundingan Di Bawah Seksyen 20A	100%	Dua (2) Kertas Kerja telah diangkat ke JPN (pemakluman)	Projek-projek Kerajaan di bawah JKR
JALINAN HUBUNGAN KERJASAMA & PERUNDINGAN	24. Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)	24/Y. Kekerapan Mesyuarat JPN	3 Kali Setiap Negeri	3 kali mesyuarat	<ul style="list-style-type: none"> JPN 01/2011 pada 7/4/2011 JPN 02/2011 pada 9/8/2011 JPN 03/2010 pada 21/11/11
	Bilangan Kertas Dasar Yang Dibentang Di JPN	Bilangan Kertas Dasar Yang Dibentang Di JPN	3 setiap negeri	20	100 %
	Bilangan Kertas Pemakluman JPN	3 kertas	80	100 %	Semua Kertas Pemakluman JPN diadarkan kepada pihak terlibat.
JALINAN HUBUNGAN KERJASAMA & PERUNDINGAN	29. Program Sebaran Am JPBD Negeri	29/Y. Bilangan Perangkaan /Buletin / Monograf Serta Pelaporan Lain Yang Disiarkan Bagi JPBD Negeri	2 Kali Setiap Negeri	3 Laporan	<ol style="list-style-type: none"> Handbook Rancangan Pemajuan Keputusan –keputusan Lembaga Rayuan Negeri Johor Laporan Keutuhan Pengurusan





KRA	KPI	PENGUKURAN	SASARAN	PENYENARAIAAN SASARAN	PROSES PELAKSANAAN
KEPUASAN PELANGGAN	39. Kepuasan Pelanggan Bagi Semua Produk / Perkhidmatan Yang Dibekalkan Mengikut Prosedur Yang Ditetapkan.	39/H. Tahap Kepuasan Pelanggan Mengikut Bahagian	85% mencapai Skor 3	95 %	650 Pelanggan yang dilayan
	41. Maklumbalas Aduan Awam	41/H. Maklumbalas Aduan Awam	100 %	100 % Hanya satu (1) aduan diterima dan diproses.	Peratus Aduan Awam Dijawab Dalam Tempoh 5 Hari Bekerja
KEPUASAN PELANGGAN	42. Tunggakan Memproses Kebenaran Merancang Di Bawah Sub seksyen 5(2), Akta 172	42/H. Peratus Tunggakan Memproses Kebenaran Merancang Di Bawah Subseksyen 5(2), Akta 172	Tunggakan sebanyak 3 %	Tidak dilaksanakan di Negeri Johor	
	43. Ulasan Perancangan Bagi Permohonan Kebenaran Merancang	43/H. Peratus Permohonan Yang Memenuhi Kitaran Masa 14 Hari Bekerja Bagi Ulasan Perancangan Kebenaran Merancang	85%	88 % Pencapaian yang amat memuaskan	Peratus Permohonan Ulasan Perancangan Kebenaran Merancang Yang Memenuhi Kitaran Masa 14 Hari Bekerja
	44. Penyampaian Keputusan Bertulis Lembaga Rayuan	44/Y. Peratus Penyampaian Keputusan Bertulis Lembaga Rayuan Kepada Responden / Perayu Dalam Tempoh 10 Hari Bekerja Daripada Tarikh Keputusan Diterima Dari Pengeusi Lembaga Rayuan.	80%	.100 % Dua (2) keputusan Mesyuarat	Peratus Penyampaian Keputusan Bertulis Lembaga Rayuan Kepada Perayu / Responden Dalam Tempoh 10 Hari Bekerja.






Bahagian Teknikal

Bahagian Teknikal ini merupakan penggerak utama yang melaksanakan secara khusus aktiviti perancangan bandar dan desa di Negeri Johor berlandas Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) dan berkaitannya.

Bagi mencapai tahap profesionalisme pelaksanaan Akta 172 dan perundangan berkaitannya, pegawai-pegawai teknikal terdiri dari :

- Pegawai Perancangan Bandar dan Desa (Gred J41 dan ke atas) bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional yang terdiri dari Pegawai Persekutuan.
- Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (Gred Gred J29 dan J36)
- Juruteknik Perancang Bandar dan Desa (Gred J17 dan J22)
- Juruteknik Awam (Gred J17)
- Pelukis Pelan (Gred J17)



Korporat, JPN & Lembaga Rayuan
Rancangan Pemajuan
Kawalan Perancangan
• Daerah Johor Bahru
• ICT, Daerah Segamat & Pontian
• Projek Khas, Daerah Muar & B. Pahat
• R & D, Daerah Kluang, K. Tinggi & Mersing





BAHAGIAN TEKNIKAL KORPORAT, JPN & LR

Korporat, JPN & LR

Rancangan Pemajuan

Kawalan Perancangan

- Johor Bahru
- ICT, Segamat & Pontian
- Projek Khas, Muar & B. Pahat
- R & D, Kluang, K. Tinggi & Mersing



KORPORAT, JPN & Lembaga Rayuan

Dari Kiri: **ROSLEE BIN YUNOS@ZAKARIA**, **MOHD FAIZAL BIN ABDULLAH**, **MD. NAZRI BIN ABDULLAH**, **MOHD AZAM BIN MOHD ABID**, **HJH. RAPIAH BTE. JANTAN**, **NAZLI HIDAYAT BIN HAMID**.

Bidang Tugas

- Bahagian ini bertindak menyelaraskan pelaksanaan dan pemakaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, (Akta 172), Akta (Pindaan) 1995, (A933) dan Akta (Pindaan) 2001, (Akta A1129) di seluruh Negeri Johor.
- Unit Penyelarasan Dasar
- Bahagian ini bertanggungjawab di atas perkara-perkara berikut :
 - Memantau pelaksanaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, (Akta 172).
 - Menyelaraskan penyelenggaraan semua garis panduan yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN).
 - Menyelaraskan pelaksanaan ISO 2001 dan Manual Prosedur Kerja.
 - Menyedia Laporan Tahunan Jabatan dan Buletin Rancang Johor



JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI JOHOR

Bagi melaksanakan seksyen 4(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa (1976) Akta 172 ahli-ahli Jawatankuasa Perancang Negeri Johor telah dilantik seperti berikut :

Jadual : Ahli-ahli Jawatankuasa Perancang Negeri Tahun 2009


Bil	Portfolio/ Jabatan	Nama
1.	Menteri Besar Johor	Y.A.B Dato' Abd Ghani bin Othman
2.	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Y.B Pengerusi J/kuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam)	Y.B Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil
3.	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Y.B Pengerusi J/kuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga Air, Komunikasi dan Alam Sekitar)	Y.B Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi
4.	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Y.B Pengerusi J/Kuasa Pertanian dan Industri Asas Tani	Y.B Tuan Haji Abd. Aziz bin Kaprawi
5.	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Y.B Pengerusi J/Kuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan)	Y.B Puan Asiah bte Md. Ariff
6.	Y.B Setiausaha Kerajaan Johor	Y.B Dato' Obet bin Tawil
7	Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Johor	Y.B Datuk Abd Rahman bin Putra
8	Y.B Pegawai Kewangan Negeri Johor.	Y.B Encik Marsan bin Kassim
9.	Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor	Dato' Hamsan bin Saringat
10	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Johor	Tuan Haji Jama bin Johan
11	Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	Y.B Dato' Abu Bakar bin Ahmad
12	Pengarah Pembangunan Negeri Johor	Encik Nor Rizan bin Mohd. Thani
13	Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor	Encik Mokhtar bin Abdul Majid
14	Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Johor	Encik Adnan bin Mat Kasim
15	Pengarah Jabatan Pengaliran dan Saliran Negeri Johor	Encik Chong Chee Han
16	Ketua Eksekutif Iskandar Malaysia	Tuan Haji Ismail bin Ibrahim
17	Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor	Tuan Haji Azam bin Mohd. Abid (Setiausaha)



Sebanyak 20 Kertas Kerja telah dibentangkan di Mesyuarat JPN Tahun 2011

Bilangan	Tarikh Mesyuarat	Kertas Mesyuarat
Mesyuarat JPN 01/2011	7 April 2011	1 - Kertas Perundangan 2 - Kertas Rancangan Pemajuan 3 - Kawalan Pembangunan
Mesyuarat JPN 02/2011	9 Ogos 2011	2 - Kertas Dasar/Perundangan 4 - Kertas Rancangan Pemajuan 1 - Kawalan Pembangunan 3 - Kertas Pemakluman
Mesyuarat JPN 03/2011	21 Nov 2011	2 - Kawalan Pembangunan 1- Kertas Pemakluman

Sepanjang Tahun 2011 JPBD Johor sebagai urusetia Jawatankuasa Perancang Negeri telah mencapai sasaran Piagam Pelanggannya dengan mengadakan sebanyak 3 kali Mesyuarat.





LEMBAGA RAYUAN NEGERI JOHOR

Bahagian ini juga bertanggungjawab sebagai urusetia terhadap pendaftaran rayuan dan juga mengendalikan prosiding Lembaga Rayuan Negeri Johor sebagaimana yang ditetapkan di bawah peruntukan Seksyen 36 , Akta Perancangan Bandar dan Desa , 1976 (Akta 172). Pendaftar Lembaga Rayuan Negeri Johor adalah En. Md. Nazri bin Abdullah.

Ahli Ahli Lembaga Rayuan Negeri Johor 2011

PENGERUSI	: Y.B DATUK ZAINUDDIN BIN MUHAMMAD
TIMBALAN PENERUSI	: Y.B DATO' ZAHARI BIN MD.ZIN
AHLI	: Y.B DATO' HASHIM BIN YAHYA
	: Y.B DATO' JOHARI BIN SURATMAN
	: Y.B DATO' MOHD NAIM BIN NASIR
	: Y.B DATO' PUNIJAN BIN SUTARJO
	: TUAN HAJI YAHYA BIN MOHD. SALLEH
	: PROF DR. ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN

2 kes telah dibicarakan pada tahun 2011

BIL	PERAYU	RAYUAN	PBT	PERBICARAAN
1	HW CONSTRUCTION SDN. BHD.	Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Tujuan Perniagaan Atas Lot Ptd 2311 Hingga Ptd 2445 (Lot Asal 813 Dan Ptd 513) Mukim Gemas, Daerah Segamat Untuk Tetuan Hw Construction Sdn. Bhd.	MD Segamat	5 Mei 2011
2	TETUAN CHINESE ASSOCIATION KLUANG	Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Tujuan Membina Bangunan Kemudahan 1 Tingkat Yang Mengandungi Pejabat, Ruang Legar, Crematorium, Kemudahan Awam Dan 1 Unit Pencawangan Elektrik (Single Chamber) Di Atas Lot 387, Mukim Kluang, Daerah Kluang Untuk Tetuan Chinese Association Kluang.	MP Kluang	15 Julai 2011





MESYUARAT TEKNIKAL PBT/OSC DAN JPBD

Dalam melaksanakan Penyelarasan Teknikal berkaitan prosedur dan pelaksanaan di kalangan Pihak Berkuasa Tempatan dan Pusat Setempat(OSC), JPBD Johor telah melaksanakan dua (2) kali mesyuarat/perbincangan/bengkel dengan PBT/OSC khusus berkaitan perkara-perkara teknikal

BIL	TARIKH MESYUARAT	ISU-ISU BERBANGKIT
MESYUARAT PBT/OSC BIL : 01/2011	10 MEI 2011 HOTEL PRIME CITY KLUANG	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Lembaga Rayuan Negeri Johor ✓ Dasar Caruman Kawasan Lapang ✓ Caj Pemajuan Isu-isu berkaitan teknikal.
MESYUARAT PBT/OSC BIL: 02/2011	1 DISEMBER 2011 HOTEL M,SUITES JOHOR BAHRU	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Lembaga Rayuan Negeri Johor ✓ Makmal Pembangunn Tanah(MPH) ✓ Garis Panduan Utiliti ✓ Isu-isu berkaitan OSC



Bengkel Penyelarasan PBT/OSC turut dihadiri oleh En Onn bin Jabar KPSU Caw Kerajaan Tempatan Johor





Bagi memantapkan dan meningkatkan kefahaman Pegawai-pegawai di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi-agensi yang berkaitan bengkel tersebut membincangkan perkara-perkara seperti Pemantapan Pemahaman Pelaksanaan Lembaga Rayuan, Perbincangan Garis Panduan dan Isu-isu berbangkit oleh PBT dan OSC.

*Taklimat Disampaikan
Tuan Pengarah Tuan Hj .Mohd
Azam bin Mohd Abid*



*Sebahagian Para Peserta Yang Menghadiri
Bengkel Penyelarasa Teknikal PBT/OSCd di
M, Suites Hotel pada 1 Disember 2011*





BAHAGIAN TEKNIKAL

RANCANGAN PEMAJUAN

Korporat, JPN & LR

Rancangan Pemasaran

Kawalan Perancangan

- **Johor Bahru, Kulaijaya, Pontian**
- **Daerah Mersing & Kota Tinggi**
- **Penyelidikan & Pembangunan; Daerah Segamat Dan Kluang**
- **Projek Khas; Daerah Muar & Batu Pahat**



RANCANGAN PEMAJUAN

Dari Kiri: NOR AZAN BIN OTHMAN, HJ. MD. GHAZALI BIN SENAN, MOHD AZAM BIN MOHD ABID, NOR AZLIN BT. AHMAD, HJH. ENDASAH BT. MAKSUD.

Bidang Tugas

Bahagian ini terlibat secara langsung dalam aktiviti penyediaan, pelaksanaan dan pemantauan kajian-kajian Pelan Pembangunan seperti Penyediaan Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN), Rancangan Tempatan Daerah (RTD) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK).



Bahagian ini juga melaksanakan dan menjalankan Kajian Rancangan Tempatan Daerah (Pengubahan), Rancangan Kajian Khas dan beberapa kajian perancangan dengan menggunakan peruntukan kewangan dari Kerajaan Negeri Johor.

PENCAPAIAN UMUM
<i>Publisiti Rancangan Tempatan Daerah Pengubahan (4 Daerah)</i>
<i>Jawatankuasa Penyiasatan dan Pendengaran Awam</i>
<i>Kajian Rancangan Kawasan Khas Sungai Johor</i>
<i>Kajian Rancangan Kawasan Khas Pengerang</i>
<i>Kajian Pembangunan Kepulauan Mersing dan lain-lain</i>

Bil	Tarikh	Perkara	
1	19 April 2011	Pelancaran Serentak Draf Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru, Muar, Batu Pahat dan Pontian (Pengubahan) dan Pelancaran Geo Portal GeoJohor bertempat di Hotel Pacific Johor Bahru. oleh Y.B Datuk Ahmad Zahri bin Jamil, Pengerusi Jawatan kuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Rayadan kemudahan Awam Negeri Johor.	 
2.	23 Disember 2011	Jawatankuasa Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru (Pengubahan) bagi Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG).	

3.	27 Disember 2011	<p>Jawatankuasa Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Pontian (Pengubahan) di Majlis Daerah Pontian. Sesi pendengaran awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Pontian (Pengubahan).</p>	
4.	<p>28 Disember 2011</p> <p>Pagi</p> <p>Petang</p>	<p>Jawatankuasa Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru (Pengubahan) bagi Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT).</p> <p>Jawatankuasa Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru (Pengubahan) bagi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kulaijaya (MPKU).</p>	
5.	29 Disember 2011	<p>Jawatankuasa Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru (Pengubahan) bagi Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).</p>	
6.	25 & 26 Mei 2011	<p><i>Focus Group Discussion</i> Rancangan Kawasan Khas Sungai Johor bertempat di Myres Hotel Kota Tinggi.</p>	
7.	<p>25 Januari 2011</p> <p>5 Jun 2011</p>	<p>Mesyuarat Khas bagi memberi taklimat RTD Muar dan Kajian Pelancongan Komuniti Pulau Penarik, Sg. Mati. Taklimat Perancangan Pulau Penarik Sungai Mati, Ledang bertempat di kompleks Sukan Sungai Mati, Pulau Penarik.</p>	

Nota : Pendengaran Awam bagi Draf RTD Batu Pahat (Pengubahan) dan Draf RTD Muar (Pengubahan) diadakan pada awal tahun 2012.



Aktiviti Pameran Publisiti RTD (Pengubahan) Secara Serentak pada 19 April 2012

Bagi Pameran untuk RTD, terdapat **4 Draf RTD (Pengubahan)** yang telah dipublikasikan untuk pengetahuan ramai bagi **proses penyertaan & bantahan awam** dalam jangkamasa sebulan, iaitu

- 1) RTD Johor Bahru (Pengubahan)
- 2) RTD Muar (Pengubahan)
- 3) RTD Batu Pahat (Pengubahan)
- 4) RTD Pontian (Pengubahan)

Terdapat **8 buah PBT** yang terlibat secara langsung dalam program Publisiti ini iaitu:

- 1) Majlis Bandaraya Johor Bahru
- 2) Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah
- 3) Majlis Perbandaran Kulai
- 4) Majlis Perbandaran Pasir Gudang
- 5) Majlis Perbandaran Batu Pahat
- 6) Majlis Perbandaran Muar
- 7) Majlis Daerah Tangkak
- 8) Majlis Daerah Pontian

Program Perasmian Publisiti dan Penyertaan Awam ini telah diadakan pada **19 April 2011** yang lalu dan dirasmikan oleh **Y.B Datuk Hj. Ahmad Zahri B. Jamil** selaku **Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan kemudahan Awam Negeri Johor** yang telah diadakan di Puteri Pan Pacific Johor Bahru.

Pada program tersebut, turut diadakan **Pelancaran GeoJohor** iaitu merupakan satu aplikasi maklumat gunatanah secara 'online' melalui laman web jabatan.



Majlis dirasmikan oleh YB Datuk Hj. Ahmad Zahri B Jamil



8 buah PBT yang terlibat dalam Penyediaan RTD (Pengubahan) bagi Negeri Johor



Serahan Draf RTD (Pengubahan) kepada Yang dipertua Majlis yang terlibat

BAHAGIAN TEKNIKAL

KAWALAN PERANCANGAN

Korporat, JPN & LR

Rancangan Pemajuan

Kawalan Perancangan

- **Johor Bahru, Kulaijaya, Pontian**
- **Daerah Mersing & Kota Tinggi**
- **Penyelidikan & Pembangunan; Daerah Segamat Dan Kluang**
- **Projek Khas; Daerah Muar & Batu Pahat**




Kawalan Perancangan

Bahagian ini berfungsi untuk memproses permohonan perancangan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kawalan pembangunan.

- Daerah Johor Bahru
- Daerah Muar
- Daerah Batu Pahat
- Daerah Segamat
- Daerah Kluang
- Daerah Kota Tinggi
- Daerah Pontian
- Daerah Mersing

Bahagian ini melaksanakan 10 aktiviti pengawalan perancangan. Aktiviti utama adalah memberi khidmat ulasan kebenaran merancang di bawah Akta 172 dan

ubahsyarat tanah serta pecah sempadan di bawah Kanun Tanah Negara.



Bahagian Kawalan Perancangan juga melaksanakan penyediaan Pelan Rangkaian Jalan bagi semua Blok Perancangan (BP) mengikut Rancangan Tempatan Daerah di setiap Daerah menggunakan perisian AutoCAD. Ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Jabatan Bil 2/2008.

Selain itu, Bahagian ini juga terlibat dalam memberi input terhadap penyediaan Rancangan Tempatan Daerah iaitu RTD Johor Bahru 2020 (Pengubahan), RTD Johor Bahru Batu Pahat (Pengubahan), RTD Muar 2015 (Pengubahan) dan RTD Pontian 2015 (Pengubahan). Ini termasuk juga memberi input Kajian RKK Sungai Johor, RKK Pengerang dan lain-lain kajian perancangan.



PERMOHONAN PERANCANGAN

Bilangan Permohonan Perancangan Yang Diproses Tahun 2011

Bilangan Permohonan Perancangan Pembangunan Mengikut Bulan bagi Tahun 2011

Jenis Permohonan	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah
Kebenaran Merancang	77	105	129	127	101	135	122	114	110	128	112	98	1020
Permonan Perancangan Tapak, Pecah Sempadan, Pecah Bahagian dan Permohonan Ubahsyarat, Cantuman Tanah	200	144	188	216	225	159	167	169	172	224	210	205	1640
Permohonan Pelan Bangunan Dan Kerja Tanah	19	14	6	11	23	21	18	13	10	12	10	8	135
Permohonan E.I.A	3	-	-	5	11	5	3	4	3	3	2	2	34
JUMLAH	299	263	323	359	360	320	310	300	295	367	334	313	3843



Bilangan Permohonan Perancangan Pembangunan Mengikut Daerah bagi Tahun 2011

BULAN	JOHOR BAHRU	KULAIJAYA	PONTIAN	KLUANG	MERSING	KOTA TINGGI	MUAR*	B.PAHAT	SEGAMAT
JANUARI	71	12	29	24	22	25	57	33	23
FEBRUARI	58	23	34	16	11	13	54	44	14
MAC	68	15	23	16	12	11	73	63	13
APRIL	87	30	26	21	20	22	62	56	18
MEI	73	23	35	24	19	21	87	67	16
JUN	60	33	22	18	19	17	80	76	22
JULAI	68	27	44	24	28	25	53	56	23
OGOS	85	31	36	14	10	15	58	43	14
SEPTEMBER	54	23	11	6	4	6	42	46	8
OKTOBER	73	34	38	13	14	12	79	57	13
NOVEMBER	78	26	19	11	12	14	61	55	15
DISEMBER	71	24	30	21	16	11	44	38	12
JUMLAH	846	301	347	208	187	192	937	634	191

* Termasuk Daerah Ledang



BAHAGIAN TEKNIKAL

KAWALAN PERANCANGAN



Korporat, JPN & LR

Rancangan Pemajuan

Kawalan Perancangan

• **JOHOR BAHRU,
KULAIJAYA,
PONTIAN**

• Daerah Mersing & Kota Tinggi

• Penyelidikan & Pembangunan; Daerah Segamat Dan Kluang

• Projek Khas; Daerah Muar & Batu Pahat



DAERAH JOHOR BAHRU, KULAIJAYA & PONTIAN

Dari Kiri: **TUAN SYED MOHAMAD BIN SYED OMAR**, **MOKHTAR BIN MAAROPSALLEH BIN AHMAD**, **MOHD AZAM BIN MOHD ABID**, **AHMAD RAHMAN BIN JAMIL**, **HJ. MOHD SANI BIN JAAFAR**, **HJ MD GHAZALI BIN SENAN**.

TIADA DI GAMBAR

- **MOHAMAD HUSSAINI BIN HARUN**
- **WEE MOI MOI**
- **MOHD EZARUDDIN BIN HUSSAIN**
- **SITI HAWA BT. MIRAN**



BAHAGIAN TEKNIKAL

KAWALAN PERANCANGAN



Korporat, JPN & LR

Rancangan Pemajuan

Kawalan Perancangan

- Johor Bahru, Kulaijaya, Pontian

- **DAERAH
MERSING &
KOTA TINGGI**

- Penyelidikan & Pembangunan; Daerah Segamat Dan Kluang

- Projek Khas; Daerah Muar & Batu Pahat



DAERAH MERSING DAN KOTA TINGGI

Dari Kiri: **MOHD NAJIB BIN RAHAMAN**, **MOHD AZAM BIN MOHD ABID**, **NORHUDARYANTI BT IBRAHIM**, **SASIKIN BIN MANSOR**



BAHAGIAN TEKNIKAL

KAWALAN PERANCANGAN



Korporat, JPN & LR

Rancangan Pemajuan

Kawalan Perancangan

- Johor Bahru, Kulaijaya, Pontian
- Daerah Mersing & Kota Tinggi
- **PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN; DAERAH SEGAMAT DAN KLUANG**
- Projek Khas; Daerah Muar & Batu Pahat



PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN; DAERAH SEGAMAT DAN KLUANG

Dari Kiri: **SAMAD BIN MOHMOOD**, **HJH. HAZIZAH BT. SA'ADAN**, **NORLAILA BT. SAIRAN**, **MOHD AZAM BIN MOHD ABID**, **SUZANA BT. HASIM**, **CHE WAN MOHD RAPANAH BIN CHE WAN EMBONG**

TIADA DI GAMBAR

- **AINON BT. MARWI**
- **ZAITON BT. BUSU (TUKAR PERKHIDMATAN)**



PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Fungsi

- i) Menyelaras pelaksanaan garis panduan dan program perancangan bandar dan desa di peringkat Negeri Johor.
- ii) Menyelaraskan pelaksanaan kaedah-kaedah perancangan dan juga manual perancangan yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia.
- iii) Menyediakan garis panduan dan piawaian perancangan negeri Johor.
- iv) Menganjurkan bengkel/ pameran berkaitan garis panduan dan piawaian perancangan bandar dan desa
- v) Menyelaraskan program Murni net dan Bandar Selamat.

PENCAPAIAN UMUM

Kajian Rancangan Tempatan Daerah Kluang 2020 (Pengubahan)

Bengkel pemantapan manual piawaian perancangan negeri Johor

Bengkel pemantapan garis panduan komuniti berpagar dan komuniti berpengawal

Pemantauan dari masa ke semasa program bandar selamat


Pemantauan dari masa ke semasa program Murni-Net



BENGKEL MANUAL PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI JOHOR

9 hingga 11 Februari 2011
Felda Residence Resort, Tanjung Leman

Tujuan bengkel adalah untuk mendapatkan pandangan dari aspek teknikal mengenai piawai perancangan negara Johor yang telah siap disediakan oleh pihak perunding. Peserta adalah terdiri daripada Pegawai Perancang Bandar, Penolong Pegawai Perancang dan juga juruteknik perancang bandar. Skop perbincangan melibatkan sektor perumahan, perdagangan, perindustrian, pengangkutan, kemudahan masyarat dan juga alam sekitar.





KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KLUANG 2020 (PENGUBAHAN)

Kajian ini merupakan kajian perubahan terhadap Rancangan Tempatan Daerah Kluang 2020 yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2010 melalui No. Warta J.P.U 36 Jilid 53 No.27. Keluasan kawasan Daerah Kluang adalah 285,164.32 hektar di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kluang, Majlis Daerah Simpang Renggam, KEJORA dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Daerah Kluang. Kajian ini telah dijalankan dengan bantuan perunding tetuan Megarancang.

Objektif utama kajian adalah:

- Menyemak, meminda dan mengemaskini semula gunatanah semasa dan zoning gunatanah akan datang selaras dengan tekanan pembangunan semasa dan tren pembangunan akan datang;
- Semakan dan membangunkan semula Pangkalan Data Asas RTD Kluang berasaskan GIS; dan
- Mengenalpasti cadangan-cadangan projek dan peruntukan RMK-10 agensi kerajaan untuk diterjemahkan ke dalam RT 'site specific'

Kronologi Penyediaan RTD Kluang 2020 (Pengubahan)

Tarikh	Perkara/ Aktiviti
1/3/2011	Kajian bermula
9/3/2011	Laporan Awal diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal
4/5/2011	Bengkel Dan Verifikasi Data bersama PBT dan Jabatan Kerajaan
23/6/2011	Bengkel Peta Asas bersama PBT
13/7/2011	Laporan penemuan diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal
22/7/2011	Bengkel Dan Verifikasi Data Akhir bersama PBT dan Jabatan Kerajaan
25-27/7/11	Verifikasi guna tanah semasa oleh JPBD Johor (lawatan tapak)
11/8/2011	Bengkel cadangan zoning
7-8/9/2011	Bengkel cadangan zoning kedua
21/10/2011	Laporan akhir di luluskan oleh Jawatankuasa Teknikal
15/3/2012	Draf RTD Kluang (Pengubahan) dibentangkan dalam Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Bil.3/2011 Majlis Perbandaran Kluang
21/3/2012	Laporan Draf RTD Kluang (Pengubahan) dibentangkan dalam Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Bil.3/2011 Majlis Daerah Simpang Renggam
	Publisiti awam



BENGKEL GARIS PANDUAN KOMUNITI BERPAGAR DAN KEJIRANAN BERPENGAWAL


28 Februari 2011

Hotel Bluewave, Johor Bahru

Garis panduan Perancangan Gated Community dan Guarded Neighbourhood telah di luluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Tempatan (MNKT) ke 63 dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor telah meluluskan perakuan ke atas kertas kerja bil.2/63 (MNKT-63).

Tujuan adalah untuk menyelaraskan pemakaian garis panduan dengan keadaan di PBT di Negeri Johor yang meliputi aspek perancangan fizikal, pemantauan dan penguatkuasaan. Peserta adalah dari Pihak Berkuasa Tempatan, penyelia utiliti dan lain-lain agensi.

Bengkel ini di adakan dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Kerajaan Tempatan) dan telah dirasmikan oleh Y.B Dato' Ahmad Zahri bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor.



Ucapan perasmian oleh Y.B. Dato' Ahmad Zahri bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya Dan Kemudahan Awam Negeri Johor





PROGRAM BANDAR SELAMAT NEGERI JOHOR

Program Bandar Selamat di Malaysia diwujudkan pada tahun 2004 untuk mewujudkan alam persekitaran bandar yang lebih selamat dan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia.

Kronologi Program Bandar Selamat (PBS)



Rel penghadang & laluan pejalan kaki khusus; Pusat perdagangan Pontian



Pencahayaan Jln. Rugayah, Batu Pahat



Cermin keselamatan Jln. Mentol, Segamat



Cermin keselamatan Tmn. Pasir Putih, Pasir Gudang




Prestasi Program Bandar Selamat 2011

BIL	PBT	PENCAHAYAAN (UNIT)	PENGASINGAN LALUAN PEJALAN KAKI (KM)	CERMIN KESELAMATAN (UNIT)	PERUNTUKAN BELANJA PEMBANGUNAN (P62) KDN 2011 (RM)
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	174	0.93	0	1,500,000.00
2.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	193	0.53	9	1,000,000.00
3.	Majlis Perbandaran Kulai	30	0.68	8	500,000.00
4.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	14	-	120	500,000.00
5.	Majlis Perbandaran Muar	40	1.17	4	500,000.00
6.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	9	0.77	0	500,000.00
7.	Majlis Perbandaran Kluang	9	0.92	11	500,000.00
8.	Majlis Daerah Kota Tinggi	2	2.5	-	500,000.00
9.	Majlis Daerah Pontian	8	0.0007	2	350,000.00
10.	Majlis Daerah Segamat	63	0.61	13	350,000.00
11.	Majlis Daerah Simpang Renggam	46	0.53	5	350,000.00
12.	Majlis Daerah Yong Peng	13	0.53	5	350,000.00
13.	Majlis Daerah Tangkak	37	0.96	5	350,000.00
14.	Majlis Daerah Mersing	39	0.3	10	250,000.00
15.	Majlis Daerah Labis	51	0.27	5	250,000.00
	JUMLAH	728	10.7	205	7,750,000.00



BAHAGIAN TEKNIKAL

KAWALAN PERANCANGAN



Korporat, JPN & LR

Rancangan Pemajuan

Kawalan Perancangan

- Johor Bahru, Kulaijaya, Pontian
- Daerah Mersing & Kota Tinggi
- Penyelidikan & Pembangunan; Daerah Segamat Dan Kluang

- **PROJEK KHAS;
DAERAH MUAR &
BATU PAHAT**



PROJEK KHAS; DAERAH MUAR DAN BATU PAHAT

Dari Kiri: MOHD RAZI BIN ABDUL WAHABHJ. AZMAN BIN MANAP, SITI MARIAM BT. MD ARIS, **MOHD AZAM BIN MOHD ABID**, ISA BIN TOMPANG, SA'ANAR BIN YUSOF, MAAROF BIN JAMINGAN

TIADA DI GAMBAR

- LILY AZZURA BT. HANGSOR
- ABDUL RAZAK BIN ABDUL HAMID
- HJ. RUSTAM BIN KASMANI




JEMPUTAN SEBAGAI PANEL HAKIM PERTANDINGAN LANDSKAP TAHUN 2011

Setiap tahun Jabatan Perancangan Bandar & Desa Negeri Johor dipanggil untuk menjadi Panel Hakim bagi Program Pertandingan Landskap Negeri Johor yang dianjurkan oleh Jabatan Landskap Negeri.

Program pertandingan ini adalah sebagai suatu usaha untuk menggalakkan penghayatan dan penekanan kepada aspek penghijauan dan pengindahan bagi kawasan bandar, taman-taman awam, pusat tarikan pelancongan, taman-taman perumahan, kampung-kampung, jalan-jalan sehinggalah ke unit-unit kediaman individu. Penilaian dibuat selama sebulan iaitu bermula pada 20 Jun 2011 sehingga 15 Julai 2011.

OBJEKTIF PERTANDINGAN

1. Menerapkan nilai budaya landskap di kalangan semua lapisan Masyarakat & Kaum.
2. Menimbulkan minat dan kesedaran masyarakat terhadap seni landskap, tanaman dan bunga-bunga
3. Menonjol dan memperkukuhkan landskap beridentiti Malaysia.
4. Menjadikan sumber untuk masyarakat belajar tentang betapa pentingnya landskap untuk persekitaran alam sekitar
5. Merealisasikan hasrat kerajaan untuk 1 Malaysia: Negara Taman



KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN

19 kategori yang dipertandingkan pada tahun 2011 antaranya ialah:

1. Laman Rumah Tradisional/Kampung
2. Rumah Banglo/ Sesebuah
3. Rumah Berkembar/ Lot Tepi/ semi-D
4. Rumah Lot Tengah/ Lot Akhir
5. Masjid
6. Hutan Lipur
7. Jalan Utama/ Jalan Protokol
8. Jalan kampung
9. Taman Awam/ Taman Bandar
10. Taman Kejiranan
11. Sekolah Menengah/ Sekolah Menengah Agama
12. Sekolah Rendah
13. Sekolah Agama
14. Kolej/ Institusi Pendidikan / Latihan
15. Bangunan Kerajaan
16. Bangunan Swasta/ Pemaju Perumahan
17. Bangunan Swasta/ Pemaju Perumahan
18. Bangunan Industri
19. Hotel/ Resort/ Kompleks Pelancongan



Senarai Pemenang Pertandingan Landskap

KEDUDUKAN	NAMA PESERTA
Rumah Sesebuah/Banglo	
1.	ZAINUDIN BIN KHUSIL
2.	EN. AZMI B. MD ZAIN
3.	EN. AZMAN B. SABRAN
Rumah Tradisional/Kampung	
1.	AHMAD BIN HUSSIN
2.	WAKIMAN BIN AJI
3.	MOHD ISA BIN SELAMAT
Rumah Teres Lot Tengah/Lot Akhir	
1.	SHAMSUDIN BIN ABU DARDAK
2.	EN MOHAMMAD JIZAN BIN RAHMAT
3.	JASNI BIN HUSSIN
Rumah Berkembar/Semi D/ Lot tepi	
1.	SUHAIMI BIN MOSTAMAN
2.	
3.	
Sekolah Rendah	
1.	SK LAKSAMANA
2.	SK TENAGA SEPAKAT
3.	SK KAMPUNG TENGAH
Sekolah Agama	
1.	SEKOLAH AGAMA TAMAN DAHLIA
2.	SEKOLAH AGAMA SIMPANG JERAM
3.	SEKOLAH AGAMA KG. PASIR
Sekolah Menengah/Sekolah Menengah Agama	
1.	SMA KERAJAAN JOHOR
2.	SM. VOKASIONAL KOTA TINGGI
3.	SEK.MEN SAINS
Bangunan Kerajaan	
1.	JABATAN KERJA RAYA SEGAMAT
2.	AKADEMIK KASTAM TG. SURAT
3.	MAJLIS DAERAH YONG PENG
Bangunan Swasta	
1.	PUTERI HARBOUR CLUB HOUSE
2.	THE LEDANG CLUB HOUSE

KEDUDUKAN	NAMA PESERTA
Bangunan Industri	
1.	SHIMANO COMPONENTS
2.	KILANG BISKUT MUNCHY
Taman kejiranan	
1.	TASIK PERDANA PASIR GUDANG
2.	EAST LEDANG FASA - 1
Masjid/Surau	
1.	MASJID JAMEK KG. PASIR
2.	MASJID JAMEK HJ. AHMAD SHAH
3.	SURAU PARIT YAANI
Taman Awam/Taman Bandar	
1.	TAMAN BANDAR PASIR GUDANG
2.	DATARAN PENGGARAM & TASIK Y
3.	TAMAN PERSISIRAN SG.MENKIBOL
Jalan Protokol	
1.	JALAN PASIR GUDANG
2.	JALAN BAKAU CHONDONG
3.	JALAN KLUANG (KM1-KM3
Jalan Kampung	
1.	JALAN KAMPUNG TENGGAROH 1
2.	JALAN KG PERMATANG DUKU
3.	JALAN KAMPUNG TENGGAROH 2
Hotel/Kompleks Pelancongan	
1.	RAWA SAFARI RESORT
2.	PULAI BEACH RESORT
3.	KOTA RAINFOREST RESOR
Hutan Lipur	
1.	HUTAN SIMPAN PULAU KUKUP
2.	HUTAN LIPUR SUNGAI BANTANG
3.	HUTAN LIPUR PANTI
Rumah Ibadat Bukan Islam	
1.	RUMAH IBADAT CHE ANN KHOR
2.	RUMAH IBADAT CHE LIM KHOR



Sekolah Agama Taman Dahlia JB



Landskap Jabatan Kerjaya Segamat



Puteri Harbour Club House



Taman Bandar Pasir Gudang



Rawa Safari Resort



Hutan Simpan Pulau Kukup



JEMPUTAN SEBAGAI PANEL HAKIM ANUGERAH MASJID & SURAU CEMERLANG TAHUN 2011

Selain dari Jemputan sebagai Panel Hakim Pertandingan Landskap, Jabatan Perancangan Bandar & Desa Johor juga telah dijemput sebagai Panel Hakim bagi Anugerah Masjid & Surau Cemerlang Tahun 2011 Negeri Johor.

Pertandingan ini telah dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Hadiah disampaikan kepada pemenang oleh Y.A.B Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman pada sambutan Maal Hijrah pada 27 Disember 2011 yang lalu. Penilaian dibuat selama lebih kurang 2 minggu iaitu bermula dari 27 Oktober 2011 sehingga 3 November 2011.

Tarikh	Daerah	Masjid	Surau
27 Okt 2011	Pontian	Masjid Jamek Batu 26, Mukim Pengkalan Raja, Pontian	Surau Sg. Naga Mukim Api-api Pontian
